

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN BAGI EKSPORT IKAN DAN KELUARAN IKAN KE KESATUAN EROPAH) (PINDAAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [Akta 281], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pengeluaran Sijil Kesihatan bagi Eksport Ikan dan Keluaran Ikan ke Kesatuan Eropah) (Pindaan) 2010**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 19 Mac 2010.

**Pindaan peraturan 4**

2. Peraturan-Peraturan Makanan (Pengeluaran Sijil Kesihatan bagi Eksport Ikan dan Keluaran Ikan ke Kesatuan Eropah) 2009 [P.U. (A) 92/2009], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 4 dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

"(2) Pemohon di bawah subperaturan (1) hendaklah membuat perakuan bahawa—

(a) dia telah mendapatkan bekalan ikan dari, atau bekalan keluaran ikan dari ikan yang dibekalkan oleh pemunya sistem kultur atau vesel penangkapan ikan yang berkenaan dengannya suatu sijil kualiti ikan di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Kawalan Kualiti Ikan bagi Eksport ke Kesatuan Eropah) 2009 [P.U. (A) 91/2009] telah dikeluarkan dan masih sah; dan

(b) dia telah mematuhi kehendak Kesatuan Eropah berhubungan dengan ikan dan keluaran ikan bahawa—

(i) ikan yang dibekalkan oleh seseorang pemunya vesel penangkapan ikan yang telah didaratkan di tapak pendaratan yang mematuhi kehendak Kesatuan Eropah;

(ii) ikan dan keluaran ikan separa proses diperolehi dari sebuah stor sejuk atau premis pemprosesan bebas yang mematuhi kehendak Kesatuan Eropah;

(iii) bahan mentah ikan dan keluaran ikan yang diimport adalah diperolehi dari sumber yang diluluskan oleh Kesatuan Eropah dan hendaklah disertakan dengan suatu sijil kesihatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kompeten negara pengeksport;

- (iv) ais yang digunakan dalam pengangkutan atau pemprosesan ikan dan keluaran ikan adalah diperolehi daripada premis pengeluar ais yang mematuhi kehendak Kesatuan Eropah;
- (v) kenderaan yang digunakan untuk mengangkut ikan dan keluaran ikan atau ais adalah mematuhi kehendak Kesatuan Eropah; atau
- (vi) pemprosesan atau penyediaan ikan dan keluaran ikan adalah dijalankan di premis eksport yang mematuhi kehendak Kesatuan Eropah.”.

Dibuat 8 Mac 2010

[KKM.PUU(PU<sup>2</sup>)/FR/10; PN(PU<sup>2</sup>)418/XIV]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
*Menteri Kesihatan*